

'Saya belum fikirkan soal pilihan raya umum'

16/12/2007
PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau belum memikirkan soal pilihan raya umum kerana sedang menumpukan perhatian terhadap pelaksanaan janji dibuat pada pilihan raya umum lalu.

"Apa yang saya fikir ialah kerja, banyak kerja ni... janji pilihan raya dulu kita buat, kita akan penuhi," katanya ketika ditanya sama ada perkembangan positif petunjuk ekonomi sekarang, termasuk pengukuhan nilai ringgit akan memberinya idea untuk mengadakan pilihan raya umum pada tahun ini.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan mahu pencapaian ekonomi sekarang ditingkatkan lagi dan prestasi tinggi itu dikekalkan selama yang boleh.

"Kita bersyukur atas apa yang sedang berlaku dalam pembangunan ekonomi kita. Sudah tentu, ada aspek lain (dalam sektor ekonomi) kita harap akan dapat bertambah baik. Kita tidak boleh mempunyai segalanya (baik-baik belaka).

"Kita akan usahakan. Kita bukan ambil sikap tidak ambil peduli... kita tahu perasaan dan keluhan rakyat yang perlu difahami dan dengan itu usaha perlu dilaksanakan.

"Kita bersungguh-sungguh, kita serius. Saya janji dulu dan saya akan tunaikan janji saya, peringkat demi peringkat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas lawatan rasmi pertama Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahira ke Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Mengenai pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika, Abdullah berkata, perkembangan itu tidak menyebabkan Malaysia hilang saingan perniagaan berbanding negara jiran di rantau ini.

"Insya-Allah, tidak ada masalah," katanya ketika ditanya sama ada pengukuhan ringgit yang mencecah paras RM3.49 berbanding dolar Amerika akan menjejaskan saingan serantau kerana keadaan berkenaan akan menyebabkan kos perniagaan bagi kemasukan pelabur asing akan menjadi lebih tinggi.

Perdana Menteri juga mengulangi gesaannya supaya kementerian dan agensi kerajaan mempercepatkan bayaran kepada kontraktor supaya program pembangunan dapat berjalan dengan lancar.

Abdullah turut memberi contoh di Jabatan Perdana Menteri, pihaknya sudah menetapkan pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.

"Kita sudah mencapai kejayaan yang baik. Kita tetapkan tarikh pembayaran antara satu hingga 14 hari. Hasilnya kita dapat selesaikan (bayaran) 98 peratus dalam masa tujuh hari.

"Kecekapan ini perlu ditingkatkan dua peratus lagi, biar jadi 100 peratus dan kita perlu pertahankan prestasi ini setinggi yang boleh," katanya.

Mengenai saranan supaya usia persaraan 60 tahun bagi kakitangan awam dilaksanakan dalam tahun ini serta mereka yang mempunyai prestasi kerja cemerlang saja yang dibenar bersara sehingga usia itu, Abdullah berkata, kerajaan juga sedia mendengar dan mengambil kira segala reaksi rakyat.

BERNAMA